

26 SEP 2000

PEGAWAI CUEPACS LAWAT PUTRAJAYA ESOK

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Lawatan para pegawai Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) ke Putrajaya esok adalah untuk melihat kemajuan pusat pentadbiran baru persekutuan.

Setiausaha agung Cuepacs Abdul Rahman Manan berkata lawatan oleh 150 anggota gabungan kesatuan sektor awam itu juga akan mendengar penjelasan terus daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu-isu semasa di negara ini.

"Kami mahu anggota kesatuan mendengar penjelasan terus daripada Dr Mahathir membabitkan isu-isu yang menjejaskan pekerja sektor awam," katanya hari ini.

Ahli gabungan itu akan melawat pejabat Perdana Menteri di Putrajaya pagi esok dan pada sebelah tengah hari, mereka akan dibawa melawat Seri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri.

Pada lawatan rasmi itu mereka akan diberi taklimat oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Datuk Mohamad Shaid.

Selepas makan tengah hari, rombongan Cuepacs itu akan berlepas ke Seri Perdana dan berdialog dengan Dr Mahathir.

Mereka juga akan berpeluang minum teh bersama Perdana Menteri di kediaman beliau sebelum mengakhiri lawatan dengan mengunjungi Masjid Putrajaya.

"Lawatan itu keseluruhannya bertujuan merapatkan para pemimpin kesatuan kepada pentadbiran kerajaan dan perdana menteri," kata Abdul Rahman.

-- BERNAMA

SR ZS LAT